



INTERNATIONAL JOURNAL
OF ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)

www.gaexcellence.com/ijemp



**INISIATIF PELAKSANAAN AKTIVITI ASNAFPRENEUR
OLEH INSTITUSI ZAKAT DALAM PEMBENTUKAN CIRI
KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PENERIMA ZAKAT**

*IMPLEMENTATION OF ASNAFPRENEUR DEVELOPMENT INITIATIVES
BY ZAKAT INSTITUTIONS: FOSTERING ENTREPRENEURIAL
CHARACTERISTICS AMONG ZAKAT BENEFICIARIES*

Dahlia Ibrahim¹, Norhidayah Ali², Zuraidah Mohamed Isa³, Azzyati Anuar⁴, Suhaida Abu Bakar^{5*}

¹Faculty of Business and Management, Digital Innovation & Social Entrepreneurship, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

✉ dahlia400@uitm.edu.my

id <https://orcid.org/0000-0002-1639-9234>

²Faculty of Business and Management, Digital Innovation & Social Entrepreneurship, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

✉ norhidayah@uitm.edu.my

id <https://orcid.org/0000-0001-7782-2860>

³Faculty of Business and Management, Digital Innovation & Social Entrepreneurship, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

✉ zuraidah588@uitm.edu.my

id <https://orcid.org/0000-0002-7830-1466>

⁴Faculty of Business and Management, Digital Innovation & Social Entrepreneurship, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

✉ azzyati@uitm.edu.my

id <https://orcid.org/0000-0002-3586-6029>

⁵Academy Contemporary Islamic Studies, Digital Innovation & Social Entrepreneurship, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

✉ suhaida596@uitm.edu.my

id <https://orcid.org/0000-0003-3316-635X>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.04.2026

Revised date: 21.05.2026

Accepted date: 23.06.2026

Published date: 30.06.2025

Abstrak:

Institusi zakat di Malaysia memainkan peranan penting dalam memperkasakan golongan asnaf melalui pelbagai program pembangunan keusahawanan yang bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti secara mendalam bagaimana inisiatif institusi zakat membentuk ciri

To cite this document:

Ibrahim, D., Ali, N., Mohamed Isa, Z., Anuar, A., & Bakar, S. A. (2026). Inisiatif Pelaksanaan Aktiviti Asnafpreneur Oleh Institusi Zakat Dalam Pembentukan Ciri Keusahawanan Di Kalangan Penerima Zakat. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 9(34), 584-602.

keusahawanan dalam kalangan asnafpreneur masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti aktiviti asnafpreneur serta menilai inisiatif pelaksanaan aktiviti institusi zakat dalam membentuk ciri keusahawanan penerima zakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dengan 25 orang asnafpreneur daripada lima buah negeri di Malaysia serta analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bantuan modal, latihan, bimbingan, pameran produk dan jaringan perniagaan berjaya meningkatkan pembangunan perniagaan, keyakinan diri, peluang pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan zakat. Di samping itu, inovasi dan adaptasi teknologi dikenal pasti sebagai faktor penting dalam meningkatkan daya saing perniagaan. Dari sudut implikasi praktikal, kajian ini membantu institusi zakat memperkukuh program pembangunan asnafpreneur melalui sokongan yang lebih holistik dan berterusan. Dari sudut implikasi dasar, kajian ini mencadangkan pelaksanaan program mentoring jangka panjang, sistem pemantauan prestasi berasaskan KPI, penubuhan dana pusingan (revolving fund), serta pengukuhan kerjasama strategik dengan SME Corporation Malaysia dan MARA bagi memastikan kelestarian ekosistem keusahawanan asnaf.

DOI: 10.35631/IJEMP.934035

Kata Kunci:

Asnafpreneur, Cabaran, Pemerksaan, Zakat

Abstract:

Zakat institutions in Malaysia play an important role in empowering the asnaf through various entrepreneurship development programmes aimed at improving their socioeconomic status. However, studies that comprehensively examine how the initiatives of zakat institutions shape the entrepreneurial characteristics of asnafpreneurs remain limited. Therefore, this study aims to identify the activities of asnafpreneurs and evaluate the implementation initiatives of zakat institutions in shaping the entrepreneurial characteristics of zakat recipients. This study employed a qualitative approach through semi-structured interviews with 25 asnafpreneurs from five states in Malaysia, complemented by document analysis. The data were analysed using thematic analysis to identify the main themes. The findings indicate that financial assistance, training, guidance, product exhibitions, and business networking successfully enhanced business development, self-confidence, employment opportunities, and reduced dependency on zakat assistance. In addition, innovation and technology adoption were identified as important factors in enhancing business competitiveness. From a practical perspective, this study assists zakat institutions in strengthening asnafpreneur development programmes through more holistic and continuous support. From a policy perspective, this study recommends the implementation of long-term mentoring programmes, a KPI-based performance monitoring system, the establishment of a revolving fund, and strengthened strategic collaboration with SME Corporation Malaysia and MARA to ensure the sustainability of the asnaf entrepreneurship ecosystem.

Keyword:

Asnafpreneur, Challenge, Empowerment, Zakat,



Pengenalan

Zakat menyumbang kepada pembangunan sosial dan kerohanian semua manusia sehingga terbinanya masyarakat dan ekonomi yang sejahtera dan bertaqwa (Mujaini, 2006). Zakat merupakan sesuatu yang sangat praktikal dan menyumbang kepada peningkatan taraf ekonomi negara (Normahsyuri, 2022). Dari sudut etimologi, Berbalik kepada takrif perkataan zakat, ia bermaksud "berkembang" atau "menyucikan" kerana ia boleh digunakan untuk meningkatkan kemaslahatan dan menyucikan diri daripada segala dosa dan kesalahan. Manakala dari sudut menurut Nurwati dan Azizan (2021), daripada segi istilah pula, zakat adalah kadar yang perlu dibayar mengikut jumlah yang ditentukan oleh Syariah. Secara keseluruhannya, zakat adalah salah satu rukun Islam yang mengambil kira pertumbuhan sosioekonomi (Ungku Mohd Zakaria et al., 2022). Zakat juga mempunyai peranan dalam memupuk budaya tolong-menolong, setia kawan, dan kasih sayang, zakat juga membantu mengurangkan sentimen balas dendam, hasad dengki, dan permusuhan terhadap golongan yang kurang bernasib baik (Ahmad et al., 2006).

Zakat mempunyai tujuan dan objektif yang jelas dalam menyokong ekonomi golongan asnaf dengan menyediakan bantuan produktif dan tidak produktif. Bantuan produktif ini merangkumi kewangan perniagaan, program keusahawanan, dan bantuan peralatan bagi memudahkan asnaf menguruskan perniagaan. Golongan asnaf yang masih mempunyai keupayaan untuk melakukan transformasi dan kemajuan ke arah ekonomi keluarga yang lebih sihat daripada bantuan seumpama ini. Bantuan tidak produktif, sebaliknya, ditakrifkan sebagai bantuan sementara yang bertujuan membolehkan kelangsungan hidup, seperti makanan, pakaian, rawatan perubatan, dan keperluan lain. Azmi et al., (2024) berpendapat zakat merupakan sistem kebajikan sosial negara dalam mengurangkan kemiskinan, menjamin pengagihan pendapatan yang saksama, dan meningkatkan kestabilan kewangan masyarakat Islam.

Secara amnya, institusi zakat ingin mengubah golongan asnaf kepada golongan bukan penerima zakat dengan cara menyalurkan bantuan modal permulaan. Di Malaysia, Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengambil tindakan ini sebagai sebahagian daripada usaha proaktif untuk menyokong pemilik perniagaan yang produktif (Jumbri & Zaidudin, 2011). Abu Hassan et al., (2024) pula menekankan kepada keupayaan golongan asnaf dalam mencapai status dari penerima zakat kepada pembayar zakat melalui campur tangan pihak institusi zakat. Sebagai contoh, Negeri Pahang telah mengarahkan sokongan modal kepada golongan asnaf untuk melibatkan golongan asnaf ini dalam bidang keusahawanan demi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat. Majlis Agama Islam Pahang (MUIP) mengambil langkah menggalakkan pembangunan keusahawanan dengan menyediakan bantuan modal, peralatan melalui program keusahawanan, dan latihan bagi membolehkan golongan asnaf memperoleh pendapatan daripada perniagaan mereka (Mat Rani et al., 2020).

Menurut Norashidah et al. (2020), agihan zakat dapat menyalurkan bantuan ke arah pembangunan usahawan asnaf melalui penyaluran modal dan peralatan. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang menyelia zakat di Melaka turut menawarkan bentuk sokongan lain seperti kursus keusahawanan bagi membangunkan perniagaan asnaf. Sokongan modal dengan

minimum RM1,000 dan maksimum RM5,000 adalah salah satu perkhidmatan dan inisiatif yang ditawarkan oleh MAIM. Tambahan pula, alat untuk melancarkan perniagaan dan pinjaman yang disesuaikan untuk pemilik perniagaan dengan aliran pendapatan tetap juga ditawarkan (Yaakub & Muhd Adnan, 2018). Pelbagai inisiatif direka untuk memupuk keusahawanan asnaf. Menurut Mohd Munahar et. al. (2023), usahawanan asnaf bersedia untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan untuk mengekalkan gaya hidup mereka tanpa kebergantungan kepada bantuan zakat bulanan yang statik dan mungkin tidak dapat meningkatkan kualiti hidup mereka dengan ketara. Cara paling berkesan untuk menangani isu status ekonomi yang lemah dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah melalui aktiviti-aktiviti pembangunan asnaf. Institusi Zakat sedang mengambil beberapa langkah dan melakukan usaha besar untuk menangani kemiskinan yang menjadi masalah di Malaysia sekarang ini.

Makanya, matlamat artikel ini adalah untuk mengetengahkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Institut Zakat Malaysia. Secara terperinci, artikel ini akan membentangkan beberapa aktiviti sedia ada dan mengenal pasti sama ada aktiviti-aktiviti sedia ada ini mampu membentuk ciri keusahawanan dalam kalangan asnafpreneur. Akhirnya, implikasi dari pelaksanaan aktiviti-aktiviti asnafpreneur ini dibincangkan sebagai langkah untuk menambahbaik aktiviti-aktiviti sedia ada dalam memperkasakan lagi golongan asnafpreneur dalam mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Kajian Literatur

Aktiviti usahawan Asnaf di Malaysia merupakan salah satu usaha penting dalam memperkasakan golongan Asnaf melalui program keusahawanan yang disokong oleh institusi zakat serta agensi kerajaan dan swasta. Usahawan Asnaf merujuk kepada penerima zakat yang terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka dan keluar daripada kemiskinan (Ismail et al., 2021). Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh golongan ini di Malaysia, yang merangkumi bidang perniagaan kecil-kecilan, perusahaan mikro, pertanian, perkhidmatan, dan pengeluaran produk.

Dalam bidang perniagaan berasaskan makanan, ramai usahawan asnaf terlibat dalam sektor makanan, seperti menjalankan perniagaan catering, gerai makan, atau produk makanan ringan. Najwa Mohd Khalil & Shereza Mohamed Saniff, (2023) menyatakan permintaan yang berterusan untuk makanan dan potensi keuntungan yang stabil antara sebab aktiviti ini mendapat perhatian. Aktiviti ini biasanya dimulakan dengan bantuan modal daripada institusi zakat, yang menyediakan dana permulaan serta latihan asas untuk menguruskan perniagaan. Dana permulaan dan latihan asas yang disediakan membantu mereka menguruskan perniagaan mereka (Abang Abai et al., 2020). Secara tidak langsung, aktiviti seperti perniagaan makanan, pertanian, dan kraftangan membantu Asnaf menguasai kemahiran asas perniagaan seperti pengurusan operasi, pemasaran, dan kewangan. Latihan dan modal awal yang disediakan oleh institusi zakat membolehkan mereka membina kemahiran ini secara berterusan Ismail et al. (2021).

Di samping itu, usahawana asnaf menjalankan perniagaan ini secara langsung di pasar atau secara atas talian, yang membantu mereka menjana pendapatan lebih stabil. Ini di sokong oleh kajian Albasri et al. (2022) membuktikan usahawan asnaf telah menggunakan platform e-pemasaran seperti Facebook dan Instagram untuk mempromosikan produk mereka, yang kebanyakannya adalah perniagaan kecil-kecilan, seperti makanan dan kraf tangan. Melalui

pendekatan ini, mereka dapat memperluas jangkauan pasaran, mengurangkan kos operasi, dan mempercepat transaksi dengan pelanggan. Ini meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing dan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran (Ismail et al., 2021).

Dalam bidang pertanian pula, sebahagian besar daripada golongan Asnaf terlibat dalam projek tanaman sayuran, penternakan, dan akuakultur. Antara negeri yang mempunyai program khusus keusahawanan tani asnaf di Malaysia ialah Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kelantan. Projek keusahawanan ini bermatlamat membantu golongan asnaf tersebut meningkatkan pendapatan harian dan bulanan agar mereka mampu menyara keluarga sekaligus mampu untuk membayar zakat dalam jangka masa panjang. (Mohd Adnan et al., 2021).

Projek-projek ini biasanya diuruskan melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang memberikan latihan teknikal dan bantuan dalam bentuk benih, baja, dan peralatan. Projek-projek ini dijalankan melalui pelbagai inisiatif bantuan dari institusi zakat serta organisasi lain. Contohnya, Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) melibatkan asnaf dalam projek tanaman cili fertigasi, yang memberi pendapatan lumayan kepada peserta dengan bimbingan khusus dan bantuan kewangan (Abas & P. Rameli, 2024). Menurut Azman et al. (2016), Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memperuntukkan RM2.2 juta bagi membangunkan program usahawan berkelompok dalam kalangan asnaf, sekali gus menyediakan platform kepada mereka untuk memasarkan hasil pertanian dan penternakan dengan lebih sistematik.

Dalam bidang industri kreatif, sebahagian usahawan Asnaf terlibat dalam kraftangan dan hasil seni kreatif, termasuk kraf tangan, batik, dan barangan buatan tangan lain. Ini memberi peluang kepada mereka untuk mengeksploitasi kemahiran seni dan menjual produk unik. (Rahman & Ahmad, 2011; Najwa Mohd Khalil & Shereeza Mohamed Saniff, 2023).

Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti usahawan Asnaf di Malaysia merupakan satu inisiatif yang berkesan dalam mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan zakat semata-mata. Melalui penglibatan dalam bidang perniagaan, pertanian, dan perkhidmatan, golongan ini bukan sahaja berupaya meningkatkan taraf hidup mereka, malah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kolaborasi antara institusi zakat, agensi kerajaan, dan sektor swasta sangat penting dalam memastikan program-program keusahawanan ini berjaya dan berterusan, selain daripada memberi impak positif kepada kehidupan golongan Asnaf secara keseluruhannya.

Metodologi

Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk meneroka aktiviti keusahawanan dalam kalangan asnafpreneur. Pendekatan kualitatif ini membolehkan pemahaman yang mendalam tentang pengalaman para peserta yang terlibat dalam program keusahawanan yang dibiayai oleh institusi zakat, dengan fokus kepada aspek pembangunan perniagaan, pembiayaan, dan impak sosio-ekonomi daripada institusi zakat terhadap perniagaan mereka. Reka bentuk kualitatif ini dianggap relevan kerana ia membolehkan penilaian fenomena kehidupan sebenar, khususnya dalam memahami pengalaman subjektif para asnafpreneur yang telah beralih daripada penerima zakat kepada usahawan yang berdikari (Shiyuti et al., 2021).

Persampelan

Kajian ini melibatkan 25 orang asnafpreneur yang diambil sampel dari lima negeri di Malaysia iaitu Pulau Pinang, Selangor, Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Peserta dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) bagi memastikan kepelbagaian latar belakang dalam kalangan asnafpreneur yang terlibat dalam pelbagai jenis industri. Temu bual dijalankan dalam dua fasa, iaitu fasa pertama terdiri daripada 15 peserta dari Kelantan, Terengganu, dan Pahang yang ditemu bual pada bulan Mei dan Jun 2023, manakala baki 10 peserta dari Selangor dan Pulau Pinang ditemu bual pada bulan September 2023. Setiap peserta diberikan ID merujuk kepada identiti peserta bagi memastikan kerahsiaan, selaras dengan garis panduan etika perlindungan data (Shiyuti et al., 2018).

Pengumpulan Data

Data utama dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, yang membolehkan para peserta memberikan maklum balas terperinci mengenai perjalanan keusahawanan peserta, sokongan yang diterima daripada institusi zakat, serta cabaran yang dihadapi. Setiap temu bual berlangsung selama 45 hingga 60 minit dan direkodkan secara audio dengan persetujuan peserta. Proses pengumpulan data mengikut protokol standard untuk memastikan konsistensi sepanjang temu bual dijalankan.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan analisis dokumen dengan mengkaji laporan dan penerbitan dari institusi zakat untuk mentriangulasi data yang diperolehi daripada temu bual. Kaedah ini meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian dengan memastikan pelbagai sumber data disilang rujuk (Abas et al., 2023).

Analisis Data

Data daripada temu bual ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis menggunakan analisis tematik mengikut rangka kerja enam fasa yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses analisis data dibantu oleh perisian ATLAS.ti bagi memudahkan pengurusan data, pengekodan, dan pengelompokan tema secara sistematik. Pada fasa pertama, penyelidik membaca dan menyemak semula transkrip temu bual secara berulang kali bagi mendapatkan pemahaman yang menyeluruh terhadap data. Seterusnya, pengekodan awal (initial coding) dilakukan dengan mengenal pasti unit makna yang berkaitan dengan objektif kajian menggunakan fungsi pengekodan dalam ATLAS.ti. Proses pengekodan ini dilakukan secara induktif, di mana kod-kod dibangunkan terus daripada data tanpa dipengaruhi oleh kerangka teori yang sedia ada. Kod-kod yang berkaitan kemudiannya dikumpulkan ke dalam tema-tema yang lebih luas bagi menggambarkan corak dalam data, sebelum tema-tema tersebut disemak dan diperhalusi untuk memastikan konsistensi dan relevansinya dengan data keseluruhan. Setiap tema kemudiannya diberi nama dan definisi yang jelas bagi memudahkan pelaporan dapatan, dan akhirnya dapatan dibentangkan berserta petikan temu bual sebagai bukti sokongan.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, beberapa langkah telah diambil. Pertama, semakan ahli (member checking) dilaksanakan di mana transkrip temu bual dan tema awal yang dikenal pasti dikembalikan kepada beberapa peserta untuk disahkan ketepatan interpretasi penyelidik. Kedua, kajian semula rakan sejawat (peer review) turut dijalankan, di

mana tema-tema yang dikenal pasti disemak oleh ahli penyelidik lain dalam pasukan bagi memastikan konsistensi dalam proses pengekodan dan pentafsiran data. Ketiga, triangulasi data dilakukan dengan menyilang rujuk data temu bual dengan data daripada analisis dokumen bagi mengesahkan dapatan dan mengurangkan bias penyelidik. Penggunaan ATLAS.ti dalam kajian ini turut memastikan proses pengekodan dan pengelompokan tema dilaksanakan secara teliti, telus, dan boleh diaudit.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan analisis deskriptif atau profil informan/asnafpreneur serta mengenal pasti aktiviti asnafpreneur serta inisiatif pelaksanaan aktiviti bagi penyelidik untuk memahami secara mendalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh asnafpreneur. Ini memberikan pandangan komprehensif mengenai jenis-jenis perniagaan yang diusahakan oleh asnafpreneur, aktiviti mereka serta mencadangkan implikasi dari pelaksanaan aktiviti asnafpreneur yang telah dijalankan.

Profil Informan / Asnafpreneur

Dalam kajian ini, penyelidik telah menemubual 25 informan yang terdiri daripada asnafpreneur, dengan 5 orang dari setiap negeri berikut: Pulau Pinang, Selangor, Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Seramai 15 informan dari Kelantan, Terengganu, dan Pahang telah di temubual pada Mei dan Jun 2023. Seterusnya, 10 lagi informan dari Selangor dan Pulau Pinang telah di temubual pada September 2023. Bagi menjaga kerahsiaan identiti asnafpreneur yang ditemu bual, setiap individu diberikan nombor ID pengenalan khas. Nombor ID ini akan digunakan dalam semua rekod dan laporan kajian sebagai pengganti nama sebenar peserta. Dengan pendekatan ini, data yang dikumpulkan tetap boleh dianalisis dan dibentangkan secara terperinci tanpa menjejaskan kerahsiaan identiti individu yang terlibat.

Berikut adalah dapatan profil dan butiran perniagaan asnafpreneur yang terlibat dalam kajian ini. Maklumat profil dan butiran perniagaan informan adalah ditunjukkan di dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah. Jadual 1 menunjukkan menunjukkan profil asnafpreneur dari lima lokasi iaitu Pulau Pinang, Selangor, Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Jadual ini menyenaraikan profil asnafpreneur merangkumi ID, umur, status perkahwinan, bilangan tanggungan, jenis kediaman, dan pendapatan isi rumah. Asnafpreneur yang menetap di Pulau Pinang kebanyakannya berumur antara 36 hingga 50 tahun. Majoriti daripada mereka telah berkahwin, manakala dua lagi tergolong dalam kategori bujang dan ibu tunggal. Bilangan tanggungan mereka berkisar antara 2 hingga 12 orang. Sebilangan besar asnafpreneur ini memiliki kediaman milik sendiri. Pendapatan isi rumah mereka berada dalam lingkungan RM1,000 hingga RM5,000. Asnafpreneur yang menetap di Selangor kebanyakannya berumur antara 48 hingga 61 tahun. Majoriti daripada mereka telah berkahwin, sementara seorang merupakan ibu tunggal. Mereka mempunyai tanggungan antara 3 hingga 6 orang. Sebahagian besar asnafpreneur ini tinggal di rumah sewa, dengan pendapatan isi rumah dalam lingkungan RM1,000 hingga RM4,000.

Manakala, asnafpreneur yang menetap di Kelantan kebanyakannya berumur antara 34 hingga 56 tahun, dan kesemuanya telah berkahwin. Mereka mempunyai tanggungan antara 1 hingga 4 orang. Sebahagian besar daripada mereka tinggal di rumah kediaman sendiri, sementara dua orang menetap bersama keluarga, dan seorang lagi di rumah bantuan MAIK. Pendapatan isi rumah mereka berada dalam lingkungan RM1,500 hingga RM3,000. Asnafpreneur yang

menetap di Terengganu kebanyakannya berumur antara 35 hingga 59 tahun. Majoriti daripada mereka telah berkahwin, dengan seorang merupakan ibu tunggal. Mereka mempunyai tanggungan antara 2 hingga 7 orang. Dua informan memiliki kediaman sendiri, dua lagi menetap bersama keluarga, dan seorang informan menyewa rumah. Pendapatan isi rumah mereka adalah sekitar RM1,000 hingga RM3,000. Asnafpreneur yang menetap di Pahang kebanyakannya berumur antara 36 hingga 49 tahun, dan kesemuanya telah berkahwin. Mereka mempunyai tanggungan antara 2 hingga 6 orang. Sebahagian besar daripada mereka tinggal di rumah sendiri, sementara seorang menetap di rumah sewa dan seorang lagi tinggal bersama keluarga. Pendapatan isi rumah mereka berada dalam lingkungan RM1,000 hingga RM4,000.

Jadual 1: Profil Asnafpreneur

No.	ID Asnafpreneur	Umur	Status Perkahwinan	Bilangan Tanggungan	Jenis Kediaman	Pendapatan Isi Rumah
Pulau Pinang						
1	UAPP 1	41	Bujang	-	Keluarga	1500 - 2000
2	UAPP 2	30	Berkahwin	12	Sewa	4000
3	UAPP 3	50	Ibu tunggal	2	Sendiri	5000
4	UAPP 4	46	Berkahwin	6	Sendiri	4000
5	UAPP 5	36	Berkahwin	5	Sendiri	1000 - 1500
Selangor						
6	UAS 1	Nil	Ibu Tunggal	4	Sewa	-
7	UAS 2	48	Berkahwin	6	Sewa	2000 - 3000
8	UAS 3	46	Berkahwin	4	Sewa	4000
9	UAS 4	61	Berkahwin	5	Keluarga	1000 atau lebih
10	UAS 5	52	Berkahwin	3	Sewa	-
Kelantan						
11	UAK 1	51	Berkahwin	4	Rumah Bantuan MAIK	1500 - 2000
12	UAK 2	41	Berkahwin	3	Keluarga	2000 - 3000
13	UAK 3	31	Berkahwin	4	Sendiri	1500 - 2000
14	UAK 4	34	Berkahwin	1	Sendiri	2000 - 2500
15	UAK 5	56	Berkahwin	4	Sendiri	2100
Terengganu						
16	UAT 1	47	Berkahwin	6	Keluarga	2000
17	UAT 2	59	Ibu Tunggal	7	Sendiri	1000 - 1500
18	UAT 3	35	Berkahwin	2	Sendiri	2000 - 3000
19	UAT 4	50	Berkahwin	2	Keluarga	1500
20	UAT 5	33	Berkahwin	5	Sewa	1500

Pahang

21	UAP 1	49	Berkahwin	4	Sewa	1500 - 1500
22	UAP 2	39	Berkahwin	5	Sendiri	3000
23	UAP 3	49	Berkahwin	2	Sewa	4000
24	UAP 4	39	Berkahwin	6	Sewa	1500
25	UAP 5	36	Berkahwin	6	Keluarga	1000 - 1500

Profil Perniagaan

Seterusnya, merujuk kepada Jadual 2, statistik menunjukkan bahawa perniagaan berunsurkan makanan adalah kategori yang paling dominan diusahakan oleh asnafpreneur, dengan peratus sebanyak 47.8%. Kategori berikutnya ialah pakaian, minuman, dan tekstil, yang masing-masing merangkumi 8.7%. Selain itu, penternakan ikan, perkhidmatan, urut, peruncitan, jahit, dan santan masing-masing disebut sekali dalam aktiviti perniagaan, yang masing-masing merangkumi 4.3%. Secara keseluruhan, kebanyakan asnafpreneur cenderung untuk menceburi bidang perniagaan yang berunsurkan makanan. Manakala, berdasarkan statistik tahap perniagaan asnafpreneur, kebanyakan mereka masih berada di tahap membangun, dengan sebahagian lain berada di tahap permulaan dan pertumbuhan. Dari segi bentuk bantuan yang diterima, kebanyakan asnafpreneur mendapat sokongan dalam bentuk modal dan kursus, sementara sebahagian menerima bantuan berbentuk peralatan. Di Selangor, terdapat juga asnafpreneur yang menerima bantuan dalam bentuk rumah sewa.

Jadual 2: Profil Perniagaan

No.	ID Asnafpreneur	Jenis Perniagaan	Peringkat Perniagaan	Bentuk Bantuan Diterima
Pulau Pinang				
1	UAPP 1	Makanan		Modal, Peralatan dan Kursus
2	UAPP 2	Makanan		Modal, Kursus
3	UAPP 3	Bidan		Modal, Kursus
4	UAPP 4	Pakaian		Modal, Peralatan dan Kursus
5	UAPP 5	Tukang Urut		Modal, Peralatan dan Kursus
Selangor				
6	UAS 1	Tukang Jahit	Membangun	Modal, Peralatan dan Kursus
7	UAS 2	Makanan	Permulaan	Modal, Peralatan dan Kursus, sewa rumah

8	UAS 3	Minuman		Modal, Peralatan dan Kursus, sewa rumah
9	UAS 4	Makanan		
10	UAS 5	Makanan		
Kelantan				
11	UAK 1	Makanan	Membangun	
12	UAK 2	textile	Permulaan	
13	UAK 3	Perkhidmatan	Pertumbuhan	
14	UAK 4	Penternakan Ikan	Membangun	
15	UAK 5			
Terengganu				
16	UAT 1	Pakaian		
17	UAT 2	Santan		
18	UAT 3	Kedai kain		
19	UAT 4	Makanan		
20	UAT 5	Peruncitan	Pertumbuhan	
Pahang				
21	UAP 1	Makanan		
22	UAP 2	Makanan		
23	UAP 3	Makanan		
24	UAP 4	Makanan		
25	UAP 5			

Aktiviti Asnafpreneur

Berdasarkan kajian literatur, institusi zakat di Malaysia telah memainkan peranan penting sejak 1990-an dalam membantu golongan asnaf menjadi usahawan melalui pelbagai bentuk sokongan, termasuk bantuan modal, latihan keusahawanan, dan kemudahan perniagaan. Program ini bertujuan untuk membantu asnaf berdikari dan keluar dari kemiskinan. Kajian menunjukkan bantuan modal dan latihan yang diberikan oleh institusi zakat meningkatkan keyakinan, kemahiran, dan keupayaan asnaf dalam menguruskan perniagaan. Institusi zakat juga menganjurkan pameran dan bazar bagi menganjurkan pameran dan bazar sebagai platform untuk membantu usahawan asnaf.

Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti asnafpreneur bagi penyelidik menilai kesesuaian dan keberkesanan program-program sokongan yang sedia ada untuk usahawan asnaf. Berdasarkan dapatan kajian penyelidik menunjukkan bahawa aktiviti asnafpreneur adalah pelbagai. Responden yang terlibat dalam kajian ini diketahui terlibat dalam pelbagai bidang perniagaan, termasuk peruncitan, perkhidmatan, dan pengeluaran. Aktiviti yang dijalankan oleh asnafpreneur juga meliputi pemasaran produk, perkhidmatan pelanggan, pemprosesan makanan dan minuman, serta inovasi produk. Aktiviti ini memberikan gambaran jelas mengenai kepelbagaian usaha yang dijalankan oleh asnafpreneur dalam usaha mencapai kestabilan ekonomi dan sara diri. Dengan memahami aktiviti asnafpreneur,

penyelidik dapat mengenal pasti peluang untuk meningkatkan penyediaan sokongan kepada usahawan asnaf. Ini termasuk merangka program latihan dan pembangunan yang sesuai dengan keperluan dan aspirasi mereka, serta menyediakan bimbingan dan sokongan berterusan untuk membantu asnafpreneur mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka. Oleh itu, mengenal pasti skop dan aktiviti asnafpreneur adalah langkah awal yang penting dalam merangka strategi untuk meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup golongan ini.

Inisiatif Pelaksanaan Aktiviti

Bagi mengenalpasti sama ada aktiviti-aktiviti sedia ada mampu membentuk ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan asnafpreneur, kajian ini meneliti pelbagai aspek usaha mereka, termasuk pembangunan perniagaan, latihan, pembiayaan, dan penglibatan dalam jaringan sosial serta kolaborasi. Ringkasan kepada inisiatif pelaksanaan aktiviti boleh di lihat di jadual 3. Ini dapat memberi gambaran tentang kepelbagaian usaha asnafpreneur dalam mencapai kestabilan ekonomi dan sara diri.

1. Pembangunan Perniagaan: Pembangunan perniagaan melibatkan proses perancangan, penubuhan, dan pengurusan, termasuk strategi pemasaran dan pengurusan kewangan. Kajian menunjukkan asnafpreneur sangat aktif dalam membangunkan perniagaan mereka, dengan peningkatan kapasiti dan kepelbagaian perkhidmatan yang ketara. Beberapa peserta menyatakan perlunya pemantauan berkala oleh institusi zakat setelah menerima bantuan. Mereka juga melibatkan diri dalam strategi pemasaran melalui platform seperti TikTok dan Facebook, serta memanfaatkan kursus yang disediakan oleh MUIP untuk meningkatkan kemahiran perniagaan mereka. Salah satu hasil temubual dengan asnafpreneur:

UAPP 2: "Bukan itu saja, monitor pun penting ..."

2. Pembuatan dan Pembekalan Makanan: Asnafpreneur turut terlibat dalam pembuatan dan pembekalan makanan ringan ke kedai-kedai tempatan, memanfaatkan peluang pasaran untuk mengembangkan perniagaan mereka. Beberapa peserta juga membekalkan makanan kepada restoran atau perniagaan lain, menunjukkan kepentingan peranan mereka dalam ekosistem perniagaan. Beberapa hasil temubual bersama asnafpreneur:

UAK 4: " akan jual ke restoran...biasa bila cukup masa tu maksudnya cukup masa cukup berat...aa cukup berat 1kilo ...haa lepastu masa jual tu aa depa mai beli...depa mai beli ...tak keno cari pelanggan tokey mai ambik sendiri...haa permintaan tu ado sokmo, dalam 1minggu tu keluaran tu seluruh la dale 2tan 3tan dale satu bule tu..."

UAP 5: "Yang sekarang ni kuih basah lah hantar ke kedai...saya hanya membekal...Membekal area pekan sini je lah..."

3. Latihan dan Kursus Pembangunan: Pembelajaran dan latihan adalah aspek penting bagi asnafpreneur untuk meningkatkan kemahiran pengurusan perniagaan. Kursus yang dianjurkan oleh lembaga zakat dan institusi lain memberikan ilmu tambahan yang membantu dalam memajukan perniagaan mereka, mengelakkan kegagalan, dan memastikan penggunaan dana secara efektif. Pelbagai dapatan dari temubual bersama asnafpreneur:

UAPP 2: " Sangat puas hati tu bukan dari segi kewangan saja. Dari segi bimbingan. Depa tak dak bagi duit, lepas tu depa tak lepas. Haa, tak lepas. Maksudnya depa guide kita dari masa ke semasa. Kalau tidak, memang bagi 4000, 4000 lah jahanam. Jahanam..."

UAP 1: " Macam MUIP ni banyak membantu dari segi apa tu ilmu. Dia bagi kursus..."

4. Pembiayaan dan Bantuan Perniagaan: Pembiayaan merupakan elemen penting dalam pembangunan perniagaan asnafpreneur. Bantuan modal, kursus, dan peralatan yang diterima daripada pelbagai institusi menunjukkan komitmen mereka untuk memajukan perniagaan. Pembiayaan yang mencukupi membantu dalam pelaksanaan pelan perniagaan dan pertumbuhan perniagaan jangka panjang. Di antara petikan temubual dari asnafpreneur seperti berikut:

UAS 2: " Untuk first hari tu dapat 3000, itu untuk beli barang semua lah... Bagi beli barang, bahan mentah je..."

UAS 5: " Bantuan modal buat masa ni saya memang tak pernah dapat lah. Cumanya saya dapat bantuan lori je lah..."

UAK 4: " aa bantuan modal modal , kursus latihan ada, peralatan takdok..."

5. Peluang Pekerjaan kepada Setempat: Asnafpreneur memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Beberapa peserta telah menggaji individu lain, termasuk ahli keluarga, menunjukkan pertumbuhan perniagaan mereka. Mereka juga melibatkan profesional dalam bidang pemasaran, membuka peluang pekerjaan dalam komuniti mereka. Petikan temubual dari asnafpreneur seperti berikut:

UAPP 1: " Bantu daripada segi err satu kewangan lah. Satu lagi kita pulak, saya tengok la ni, macam dapat bantu jugak orang terdekat sekeliling ni. Macam sediakan perkerjaan dan sebagainya. Sebelum ni starting untuk kedai ni, 2 ke 3 orang ja. Jadi saya dah tambah dalam err kadang-kadang 5 kadang-kadang 6. Kadang-kadang kalau sabtu ahad ramai sangat, adik beradik pun ada mai tolong jugak. Kadang 7-8 orang jugak. Weekend memang pack. Sampai..."

UAPP 2: "Ya ya ada... Err lepas tu kami lantik, bayar orang gaji untuk buat marketing tu kan... Itu penting sebab kita tak dak ilmu tu, jadi kita kena ada cikgu lain...peluang untuk dorang..."

6. Pengembangan Produk dan Perkhidmatan: Pembangunan produk atau perkhidmatan adalah penting untuk memastikan asnafpreneur kekal relevan dalam pasaran. Beberapa peserta kajian melibatkan diri dalam pengembangan produk lama atau baru, sementara yang lain kekal fokus pada produk sedia ada, menunjukkan kesedaran mereka terhadap kehendak dan keperluan pasaran. Beberapa hasil temubual bersama asnafpreneur:

UAPP 2: " Err kalau ikutkan tu, rasanya sebab kami ada buat satu produk baru lagi. Tapi produk lama kami tak tinggal. Kami

kembangkan sebab anak saya perempuan ramai. Jadi semua err berminat...”

UAPP 3:” Haa, produk buat sendiri. Macam tu saya buat tu, ada garam dengan tu minyak urut. Tu tu tepi tu Ustaz...”

7. Jaringan dan Kolaborasi: Hubungan dan kolaborasi dengan institusi seperti UiTM dan agensi luar memainkan peranan penting dalam kejayaan perniagaan asnafpreneur. Melalui kerjasama, mereka dapat memanfaatkan rangkaian dan sumber sokongan untuk mempromosikan dan mengembangkan perniagaan mereka. Di antara dapatan dari temubual bersama asnafpreneur:

UAPP 5:” Haa, networking...Haa, boleh...Kiranya kalau macam adakan modul untuk saya mengajar ke dekat sana. Haa, so saya boleh lah lahirkan generasi dekat sana. Walaupun dia orang, macam student sana, kita boleh latih depa. Sebab yang ni kemahiran...”

8. Membantu Masyarakat Setempat: Asnafpreneur juga menyumbang kepada masyarakat melalui pelbagai cara seperti perkongsian maklumat, mencipta peluang pekerjaan, dan amalan kelestarian. Usaha mereka dalam memberi peluang pekerjaan dan melibatkan diri dalam amalan kitar semula menunjukkan komitmen terhadap pembangunan komuniti dan kesejahteraan bersama. Petikan temubual dari asnafpreneur seperti berikut:

UAPP 1:” Saya banyak lebih kepada, kadang-kadang kawan-kawan tanya macam beli barang, tempat. tempat mana murah. Macam tu lah selalunya. Selalu saya macam tu lah.... Haa recommend lah. Haa betul. Sebab kadang-kadang macam dulu saya dulu, permulaan kita nak tau tempat, satu tempat yang harga murah tu, orang susah nak bagi tau. Daripada situ...”

UAPP 2:” kita ada tempurung kelapa...Haah, kami buang terus....Hah, kami dulu memang kami buang. Tapi la ni ada orang mai ambik dah. Depa jual...”

Merujuk kepada Jadual 3, secara keseluruhannya, inisiatif pelaksanaan aktiviti ini menekankan sokongan menyeluruh dan bersepadu bagi usahawan asnaf dengan matlamat utama untuk kejayaan perniagaan mereka, dan memperkukuh kedudukan pasaran dengan membantu usahawan asnaf meningkatkan daya saing dan penampilan mereka serta menyumbang kepada pembangunan komuniti dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Jadual 3: Inisiatif Pelaksanaan Aktiviti

No.	Inisiatif Pelaksanaan Aktiviti
1	Pembangunan Perniagaan
2	Pembuatan dan Pembekalan Makanan

3	Latihan dan Kursus Pembangunan
4	Pembiayaan dan Bantuan Perniagaan
5	Peluang Pekerjaan kepada Setempat
6	Pengembangan Produk dan Perkhidmatan
7	Jaringan dan Kolaborasi
8	Membantu Masyarakat Setempat

Selain itu, kajian ini turut akan mencadangkan beberapa implikasi daripada pelaksanaan aktiviti asnafpreneur. Ini adalah disebabkan keberlangsungan asnafpreneur sangat penting sebagai sinergi pembangunan asnafpreneur dan perniagaan mereka. Keberlangsungan asnafpreneur sangat bergantung kepada faktor-faktor seperti latihan dan pendidikan yang berterusan, akses kepada modal dan sumber kewangan, bimbingan dan sokongan mentoring, jaringan dan rangkaian perniagaan, pemantauan dan penilaian prestasi serta inovasi dan adaptasi teknologi. Secara keseluruhan, semua faktor ini saling berkaitan dan menentukan sejauh mana asnafpreneur dapat mengekalkan dan mengembangkan perniagaan mereka dalam jangka masa panjang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa institusi zakat memainkan peranan yang signifikan dalam memperkasakan golongan asnaf melalui pelbagai aktiviti keusahawanan yang mampu membentuk ciri-ciri keusahawanan dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Bantuan yang diberikan dalam bentuk modal, latihan, peralatan, pameran produk serta jaringan perniagaan telah membantu asnafpreneur membangunkan perniagaan secara lebih sistematik dan berdaya saing. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penglibatan aktif dalam aktiviti keusahawanan bukan sahaja meningkatkan pendapatan dan kestabilan ekonomi asnaf, malah membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat serta mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan zakat secara berterusan.

Dari sudut implikasi praktikal, kajian ini memberikan panduan kepada institusi zakat untuk menilai semula bentuk sokongan yang diberikan kepada asnafpreneur agar lebih bersifat holistik dan berterusan. Selain bantuan kewangan, aspek latihan, pembangunan kemahiran, bimbingan perniagaan, jaringan pemasaran serta adaptasi teknologi perlu diberikan perhatian yang sewajarnya bagi memastikan kelestarian perniagaan asnafpreneur. Kajian ini juga membantu institusi zakat mengenal pasti keperluan sebenar asnafpreneur berdasarkan jenis perniagaan dan tahap perkembangan perniagaan mereka, sekali gus membolehkan program pembangunan yang lebih bersasar dan berimpak tinggi dilaksanakan.

Dari sudut implikasi dasar, kajian ini mencadangkan agar institusi zakat melaksanakan program mentoring jangka panjang yang lebih tersusun dengan melibatkan usahawan berjaya dan pakar industri sebagai mentor kepada asnafpreneur. Pendekatan ini penting bagi memastikan asnafpreneur memperoleh bimbingan berterusan dalam aspek pengurusan perniagaan, pemasaran, kewangan dan pembangunan strategi perniagaan. Selain itu, institusi zakat juga disarankan untuk membangunkan sistem pemantauan prestasi yang berasaskan indikator

prestasi utama (Key Performance Indicators, KPI) seperti peningkatan jualan, pertumbuhan pendapatan, daya tahan perniagaan, serta perubahan status asnaf kepada pembayar zakat. Sistem pemantauan yang sistematik dapat membantu institusi zakat menilai keberkesanan program dan merancang intervensi yang lebih bersasar.

Kajian ini turut mencadangkan penubuhan dana pusingan (revolving fund) khusus kepada asnafpreneur yang menunjukkan prestasi cemerlang dan berpotensi untuk mengembangkan perniagaan mereka. Dana ini boleh digunakan semula untuk membantu lebih ramai usahawan asnaf tanpa meningkatkan kebergantungan terhadap peruntukan zakat baharu secara berterusan. Di samping itu, kerjasama strategik antara institusi zakat dengan agensi pembangunan usahawan seperti SME Corporation Malaysia dan MARA perlu diperkukuhkan bagi menyediakan akses kepada latihan lanjutan, teknologi, pensijilan, pemasaran digital, serta peluang pembiayaan yang lebih luas. Kolaborasi rentas agensi ini diyakini mampu mewujudkan ekosistem keusahawanan yang lebih mampan dan berupaya mempercepatkan transformasi golongan asnaf daripada penerima zakat kepada usahawan yang berdikari dan akhirnya menjadi penyumbang zakat kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, kejayaan program asnafpreneur tidak seharusnya diukur berdasarkan jumlah bantuan yang disalurkan semata-mata, tetapi juga berdasarkan keupayaan mereka untuk mencapai kelestarian perniagaan, meningkatkan kualiti hidup, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi serta kesejahteraan sosial negara.

Implikasi Praktikal

Faktor-faktor penting dalam menambah baik aktiviti-aktiviti masa hadapan yang lebih berkesan dalam memperkasakan Asnafpreneur perlu diberi perhatian dalam mencapai matlamatnya dengan lebih baik. Berikut adalah beberapa faktor utama yang harus diperincikan:

1. **Latihan dan Pendidikan yang Berterusan:** Latihan keusahawanan yang berkualiti dan berterusan adalah asas penting dalam memperkasakan Asnafpreneur. Penerima zakat memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk menguruskan perniagaan mereka dengan berkesan. Oleh itu, program latihan perlu dirancang dengan teliti, merangkumi pelbagai aspek keusahawanan seperti pengurusan kewangan, pemasaran, inovasi produk, dan strategi perniagaan. Selain itu, pendidikan berterusan melalui bengkel, kursus lanjutan, dan sesi bimbingan juga penting untuk memastikan mereka sentiasa dikemaskini dengan perkembangan terkini dalam dunia perniagaan.
2. **Akses kepada Modal dan Sumber Kewangan:** Akses kepada modal adalah salah satu cabaran utama bagi usahawan baru, termasuk Asnafpreneur. Oleh itu, institusi zakat perlu memastikan penerima zakat mendapat akses kepada sumber kewangan yang mencukupi, sama ada melalui bantuan modal permulaan, pinjaman mikro, atau pelaburan dari pihak luar. Selain itu, penerima zakat juga perlu dibimbing dalam menguruskan kewangan mereka dengan berhemah untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka.
3. **Bimbingan dan Sokongan Mentoring:** Bimbingan dari usahawan berpengalaman atau mentor adalah kritikal dalam perjalanan keusahawanan Asnafpreneur. Mentor dapat memberikan nasihat praktikal, berkongsi pengalaman, dan membantu usahawan baru mengatasi cabaran yang mereka hadapi. Sokongan ini perlu disusun dalam bentuk

program mentoring yang sistematis dan berstruktur agar Asnafpreneur dapat menerima bimbingan yang konsisten dan relevan.

4. Jaringan dan Rangkaian Perniagaan: Menghubungkan Asnafpreneur dengan rangkaian perniagaan yang lebih luas boleh membuka peluang kerjasama, akses kepada pasaran yang lebih besar, dan perkongsian sumber. Institusi zakat boleh memainkan peranan dalam membina rangkaian ini dengan mengadakan acara perniagaan, pameran, atau platform digital dimana Asnafpreneur boleh mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka serta berinteraksi dengan usahawan lain dan pembeli.
5. Pemantauan dan Penilaian Prestasi: Pemantauan berterusan dan penilaian prestasi Asnafpreneur adalah penting untuk memastikan keberkesanan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Institusi zakat perlu mewujudkan sistem penilaian yang dapat mengukur kemajuan Asnafpreneur dalam perniagaan mereka, mengenal pasti cabaran yang dihadapi, dan membuat penyesuaian program yang diperlukan. Ini juga membantu dalam menilai impak sosial dan ekonomi yang dicapai melalui program Asnafpreneur.
6. Inovasi dan Adaptasi Teknologi: Dalam era digital, Asnafpreneur perlu didedahkan kepada teknologi terkini yang boleh meningkatkan kecekapan dan daya saing perniagaan mereka. Institusi zakat boleh membantu dalam menyediakan latihan berkaitan teknologi digital, e-dagang, dan pemasaran dalam talian, serta menyediakan platform digital untuk perniagaan asnaf. Inovasi dalam produk dan perkhidmatan juga perlu digalakkan untuk memastikan perniagaan mereka relevan dan berdaya saing.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi Mara UiTM Cawangan Kedah atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP)
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Negeri, dengan nombor kelulusan REC/05/2023 (ST/MR/117. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan dalam penyusunan manuskrip ini. Suhaida Abu Bakar bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, dan penyeliaan keseluruhan kajian. Zuraida Mohamed Isa dan Azyyati Anuar mengendalikan metodologi, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Dahlia Ibrahim dan Norhidayah Ali menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ab. Rahman, A., Ali Basah, M. Y., Nooh, M. N., Abdullah, M., Mohd Fauzi, A. A., & Abu Bakar, M. F. (2018). Program Usahawan Bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf: Pemantauan daripada Aplikasi Myema. *Journal of Fatwa Management and Research*, 7(1), 57–74. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol7no1.59>
- Abang Abai, D. S., Awang, M. D., Mohd Yusoff, A. N., Ab. Majid, A., & Hamli, H. (2020). Bentuk Bantuan Modal Agihan Zakat Asnaf dan Pencapaian Usahawan Asnaf di Malaysia: Kajian Empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93–99. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i1.353>.
- Abas, S. A., & P.Rameli, M. F. (2024). Tinjauan Pelaksanaan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) di Perak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*,9(66), 26–36
- Abas, S., & P.Rameli, M. (2023). The Implementation of Asnaf's Economic Empowerment Program (PROPER A) in Perak, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarems/v12-i3/19136>.
- Abu Hassan, M. H., Muhamad, A. I., Shari, W., & bin Zakaria, M. F. (2024). Developing A Benevolent Loan Model to Empower Asnaf Entrepreneurs. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(3). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i3/21016>.
- Ahmad, M., Abd Halim, M. N. , Mujaini, T, Hasan, N & Shawal Kassim (2006). Pelaksanaan agihan zakat di Malaysia: Satu kaedah pengukuran prestasi dalam Abdul Ghafar Hailani & Hailani Muji Tahir (penyt). *Zakat: pensyariatan, perekonomian, dan perundangan*. Penerbit UKM.
- Albasri, S. H., Abu Hassan, N. S., & Abdul Manan, F. N. (2022). E-pemasaran produk dan perkhidmatan usahawan Asnaf melalui platform Skim Jayadiri. *CIFER International Journal of Islamic Finance*, 1(1), 129.
- Azmi, M. S., Ahjj, A., Zaib, A., & Zakariyah, H. (2024). The Role of Zakat Institutions During Covid-19 Pandemic To Enhance The Well Being Of Asnaf In Malaysia (MAIWP As A Case Study). *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(2), 108-119.
- Halim, H., Said, J., & Yusuf, S. (2012). Individual Characteristics of the Successful Asnaf Entrepreneurs: Opportunities and Solutions for Zakat Organization in Malaysia. *International Business Management*, 4, 41-49. <https://doi.org/10.3968/J.IBM.1923842820120402.1040>.
- Ismail, M., Shariff, S., & Hussin, H. (2021). Program usahawan asnaf dan peranan masyarakat melalui dana zakat. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 3(2), 52–65. https://doi.org/10.24191/jipsf/v3n22021_52-65.
- Jumbri, I. A., & Zainudin, M. Z. (2011). Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir Dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor (Human Capital Development Among The Poor And Needy Entrepreneurs: A Case Study At Lembaga Zakat Selangor). *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 4(2), 41–56.
- Mat Rani, M. A & Deen, M. S & Ahmad Rosli, Moidin, S & Amsyar, M. I & Arif, M & Adenan, F., & Khairuldin, N. F. (2020). Pembangunan Keusahawanan Asnaf Luar Bandar Di Negeri Pahang (Development of Rural Asnaf Entrepreneurs in Pahang). *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 2(1), 48–60. <http://www.cipsf.my/#>

- Mohd Adnan, S. D., Mohd Aris, N., Md Nasir, M. F., P. Rameli, M. F., Shariff, D., & Hj Abas, S. A. (2021). Agihan modal zakat terhadap usahawan tani asnaf: satu tinjauan awal di malaysia *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(1), 9–16.
- Mohd Munahar, M., Md Badarudin, I., & Harun, N. (2023). A Conceptual Paper on Characteristics of Successful Asnafpreneur in Malaysia. *International Journal of Social Science And Human Research*. 6(3), 1429-1434.
- Mujaini, T. (2006). *Zakat Menuju Pengurusan Profesional (Second Edi)*. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Najwa Mohd Khalil, & Shereeza Mohamed Saniff. (2023). Analysis of Asnaf Entrepreneurial Development Based on the First Principle of Islamic-based Development. *KnE Social Sciences*. <https://doi.org/10.18502/kss.v8i12.13733>
- Norashidah, H &, Armanurah, M & Muhammad, N. (2020). Tahap Prestasi Dan Faktor Mempengaruhi Perniagaan Usahawan Asnaf Dalam Program Bantuan Jayadiri: Satu Analisis Deskriptif. *International Journal of Islamic Business*, 5(1), 46–58.
- Normahsyuri, K. & B. & R.. (2022). Strategi pengelolaan zakat, infaq dan sedekah Terhadap Pemberdayaan Ekonomi Umat Dalam Pencapaian Sustainable Development Goals (SDG) Pada masa Covid -19.
- Nurwati, A. &, & Azizan, A. . (2021). Zakat dan Muallaf serta kaitannya dengan maqasid syariah. *50300(1)*, 125–136.
- Rahman, R.A. and Ahmad, S. (2011), “Strategi pembangunan keusahawanan asnaf fakir dan miskin melalui agihan bantuan modal zakat”, *Jurnal Pengurusan*, Vol. 33, pp. 37-44.
- Shiyuti, H., & Al-Habshi, S. (2018). An Overview of Asnaf Entrepreneurship Program by Lembaga Zakat Selangor, Malaysia. AARN: Islam (Sub-Topic). <https://doi.org/10.2139/ssrn.3299107>.
- Shiyuti, H., Zainol, F., & Ishak, M. (2021). Conceptualizing Asnaf Entrepreneurship for Zakat Institutions in Malaysia., 2, 44-49. <https://doi.org/10.37231/JMTP.2021.2.1.87>.
- Ungku Mohd Zakaria, U. A, Ya’cob, Z., Syaful Anwar, M. R. & Mohamed Nasir, N. S. (2022). Peranan Majlis Agama Islam Johor (MAINJ) Dalam Pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Asnaf. *Jurnal Ilmi*. 12, 144-155.
- Yaakub, Z., & Muhd Adnan, N. I. (2018). Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 11(1).